



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG PINTAS KUBU, BEAUFORT, SABAH

Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam

Waktu Aktiviti  
Dibenarkan

Seperti ketetapan  
dalam penerangan ringkas

Pergerakan  
Penduduk

Dibenarkan dengan  
bersyarat

### Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

### Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

### Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan              | Penerangan Ringkas   |
|-----------------------|--|
| Kawasan yang Terlibat | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Seluruh Kawasan Kg Pintas Kubu, Beaufort, Sabah.</li> </ul>   |
| Tempoh Berkuatkuasa   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• 3 Julai 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 16 Julai 2021 (11.59 malam)</li> </ul>   |
| Kawalan Pergerakan    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM &amp; RELA.</li> <li>• Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.</li> </ul> |



# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG PINTAS KUBU, BEAUFORT, SABAH

Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

### Tindakan

### Penerangan Ringkas

Aktiviti di dalam Kawasan PKPD

- Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (*essential services*) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM.
- Pengecualian hanya diberikan kepada seorang **(1)** wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD.
- Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali:

| Bil. | Premis Perniagaan          | Masa Beroperasi   |
|------|----------------------------|---|
| 1.   | Kedai Runcit / Mini Market | 6.00 pagi hingga 6.00 petang  |
| 2.   | Pasar / Pasar bergerak     | 6.00 pagi hingga 2.00 petang<br><b>Dua (2) kali seminggu sahaja</b> |

\*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

### Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

### Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

### Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.



# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG PINTAS KUBU, BEAUFORT, SABAH

Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam

Waktu Aktiviti  
Dibenarkan

Seperti ketetapan  
dalam penerangan ringkas

Pergerakan  
Penduduk

Dibenarkan dengan  
bersyarat

## Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

## Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan                       | Penerangan Ringkas   |
|--------------------------------|--|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM</b> untuk <b>seorang (1)</b> wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan:               <ol style="list-style-type: none"> <li>a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; dan</li> <li>b) membeli keperluan asas.</li> </ol> </li> <li>• Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM.</li> <li>• Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.</li> <li>• Jika berlaku kematian di rumah hendaklah dilaporkan di balai polis atau pejabat kesihatan berdekatan untuk dibawa ke kamar mayat hospital bagi tujuan pemeriksaan COVID-19, sekiranya positif maka urusan pengkebumian adalah mengikut ketetapan KKM atau JPBD.</li> <li>• Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini.</li> <li>• Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.</li> <li>• KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.</li> <li>• Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri.</li> </ul> |